

Headline	MAM, PDRM berpadu tangani isu HIV AIDS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	282 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,551
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,653



MAM, PDRM berpadu tangani isu HIV/AIDS

MAJLIS AIDS Malaysia (MAM), dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menganjurkan satu seminar yang bertajuk "Penguatkuasaan dan Program Pengurangan Kemudaratan" di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Muar, Johor pada 17 - 18 Oktober lalu.

Seminar yang disertai 56 pegawai kanan dari Jabatan Narkotik dan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM Johor telah dirasmikan Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan. Turut hadir, Penolong Pengarah Perlucutan Hakan Harta dari PDRM Bukit Aman, ACP Lim Hong Shuan.

Seminar itu bertujuan memperkasakan usaha advokasi dengan pihak penguat kuasa undang-undang; dan untuk membangunkan inisiatif menangani isu penggunaan dadah secara berstruktur dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelaksanaan program Pengurangan Kemudaratan.

Program edisi Muar ini merupakan kesinambungan kepada siri seminar pengurangan kemudaratan anjuran MAM bersama pihak berwajib di seluruh negara seperti PDRM.

Barisan panel penceramah terdiri daripada pakar polisi narkotik dan pengurangan kemudaratan, pakar perubahan HIV/AIDS serta wakil dari MAM.

Perlaksanaan seminar Pengurangan Kemudaratan bersama PDRM ini termaktub

dalam strategi ke-4 Pelan Strategik Negara untuk HIV dan AIDS (2011- 2014) iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pencegahan HIV, rawatan, penjagaan dan sokongan.

Strategi berkenaan menggariskan bahawa penglibatan golongan pegawai penguatkuasaan undang-undang, penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, pegawai awam yang berkaitan dan pihak masyarakat awam yang berkepentingan adalah amat penting dalam mengurangkan komplikasi terhadap respons HIV nasional.

Sehingga Disember 2010, sejumlah 63,680 daripada 91,362 kes kumulatif HIV dilaporkan berlaku di kalangan pengguna dadah menyuntik. Golongan ini juga mewakili 47.4 peratus daripada kes baru penularan HIV dan AIDS bagi 2011.

Hong Shuan melafazkan secara nyata komitmen PDRM dalam program Pengurangan Kemudaratan. Penganjuran seminar Pengurangan Kemudaratan di Johor juga membawa pengertian besar terhadap usaha MAM untuk mengurangkan penularan HIV dan AIDS di negeri tersebut yang kini mencatatkan kes baru HIV yang kedua tertinggi di Malaysia.

Kadar kejadian HIV di Johor pula adalah 15.5 kes untuk setiap 100,000 penduduk, jauh daripada kadar kejadian HIV kebangsaan sebanyak 8.9 kes.



Zaman Khan (duduk, empat, kiri), Komandan Maktab Teknik, SAC Raja Musa Raja Razak (tengah) bersama peserta bengkel.